

ULASAN BUKU / BOOK REVIEW

KAJIAN TATABAHASA ARAB DAHULU DAN SEKARANG

ARABIC GRAMMAR REVIEW PAST AND PRESENT

(Penulis/Author(s): Muhammad Marwan Ismail & Wan Moharani Mohammad)

Pengulas/Commentator:
Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawii

ⁱ Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
gamwer_994@yahoo.com.my

PENDAHULUAN

Buku ini boleh dianggap buah tangan oleh kedua-dua penulis yang aktif dalam penulisan buku yang berkaitan dengan tatabahasa arab secara khusus. Karya mereka yang lain seperti *Kajian Semantik dan Muʿjam Arabiy* (2009) dan *Subjek dan Predikat: Satu Kajian Perbandingan antara Bahasa Arab dan Bahasa Melayu* (2003) merupakan hasil cetusan idea yang begitu memberansangkan dan begitu ilmiah dari kedua-dua penulis muda ini. Maka tidak hairanlah buku ini dianggap menarik dengan permasalahan yang cuba dirungkaikan oleh penulis berkaitan dengan aspek kesejarahan tatabahasa arab dan perkembangan ilmu itu selari dengan dunia moden masa kini.

Pada asasnya kajian ini cuba untuk memperjelaskan kepada umum mengenai sejarah kemunculan ilmu tatabahasa arab, perkembangan ilmu tatabahasa arab dengan kemunculan mazhab-mazhab tatabahasa yang pelbagai diikuti dengan perbincangan yang mendalam mengenai tatabahasa arab selepas pada zaman keemasannya dan diakhiri dengan kajian yang cukup terperinci mengenai perkaitan antara linguistik moden dan kemampuannya untuk diaplikasikan dalam tatabahasa arab.

Pada umumnya kajian ini mampu untuk menarik minat para pelajar mahupun pengkaji dalam bidang bahasa dan kesusasteraan arab tentang pentingnya mengetahui perkembangan sejarah tatabahasa arab itu dan hubungannya antara linguistik yang telah diperkenalkan oleh ilmuan barat. Jika kita melihat secara umum, kajian ini boleh disamakan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh penulis lain yang telah mengkaji mengenai sumber pengkajian sastera arab dan bahasa seperti contoh "*Al-Masadir Al-Adabiyah wa Al-Lughawiyah fi Al-Turath Al-ʿArabiyy*" hasil penulisan ilmuan arab yang terkemuka ʿIzz al-Din Ismaʿil.

Bezanya skop buku ini lebih tertumpu kepada sumber-sumber penulisan agung yang berkaitan dengan syair, muʿjam, tatabahasa arab dan metodologi penulisan oleh penulisnya. Kajian ini pula lebih menumpukan aspek permulaan sejarah tatabahasa arab dari segi faktor tatabahasa ini diwujudkan sehinggalah perkembangannya tanpa diabaikan metodologi yang sama digunakan oleh ʿIzz al-Din Ismaʿil iaitu pengenalan mengenai sumber-sumber rujukan yang agung bagi ilmu tatabahasa arab.

Kajian ini dimulakan dengan mukaddimah di mana penulis menyatakan bahawa sebab mengapa kajian ini dilakukan adalah kerana melihat kemunculan dan kepesatan kajian-kajian yang berkaitan dengan linguistik moden yang banyak dikuasai oleh ilmuan dari barat. Walhal jika dilihat dari aspek sejarah, dunia islam tidak ketinggalan dalam menghasilkan ilmuan-ilmuan islam yang terlebih dahulu berjaya mengasaskan kaedah tatabahasa arab dengan begitu baik sekali walaupun diakui kelemahan tetap ada (halaman xiii). Bahkan mereka berjaya mendahului zaman daripada apa yang Barat agung-agungkan daripada penemuan baru ilmu mereka. Ternyata kajian ini dapat membongkar sedikit sebanyak mengenai penghasilan ilmuan islam

dalam pengasasan tatabahasa arab dan perbandingan dengan linguistik moden yang banyak dipelopori oleh ilmuan barat.

KANDUNGAN BAB

Kajian ini mengandungi empat bab dan setiap bab mempunyai tajuk-tajuk kecil kepada bab. Bab pertama diberikan judul "Pengenalan" (halaman 1-18). Bab pertama ini telah menjuruskan perbahasan mengenai sejarah kemunculan ilmu tatabahasa arab dan persekitaran yang mendorong kemunculan ilmu ini. Banyak perselisihan pendapat yang menyatakan bilakah kemunculan awal tatabahasa arab ini dan tokoh yang bertanggungjawab ke atasnya. Namun begitu para ilmuan arab silam bersepakat bahawa faktor yang menyebabkan kemunculan ilmu ini adalah disebabkan oleh kesalahan-kesalahan bahasa yang dilakukan oleh penutur asal bahasa ini iaitu orang arab sendiri. Hal ini terjadi kerana kemasukan orang *al-^cajam* iaitu bukan arab ke tanah arab dan melalui proses asimilasi budaya seperti perkahwinan dan pergaulan sesama penduduk asal tanah arab.

Ini menyebabkan penduduk asal terpengaruh dengan dialek luar yang dibawa oleh orang bukan arab dan menyebabkan kefasihan bahasa mereka terjejas dan sering melakukan kesalahan bahasa apabila bertutur. Selain itu juga kemunculan ilmu ini di dorong oleh inisiatif untuk memelihara kesucian al-Quran daripada sebarang kesalahan dalam menuturkan ayat-ayat dalam kitab suci ini sekaligus memelihara daripada sebarang bentuk kesalahan bahasa yang jelas. Dinyatakan juga dalam pecahan tajuk dalam bab ini mengenai golongan pelopor mazhab-mazhab tatabahasa arab pada zaman silam seperti madrasah Basrah yang dipelopori oleh Abu Aswad al-Duwaliyy, al-Akhfash, Sibawayh. Manakala madrasah Kufah dipelopori Abu ^cAmru al-^cAla', Al-Hara', Al-Kisa'iyy dan lain-lain lagi.

Disebut juga pada akhir bab ini secara ringkas mengenai tatabahasa arab pada zaman moden iaitu satu isu yang mana dilihat cuba untuk memperkenalkan linguistik moden yang diasaskan oleh ilmuan Barat dalam pengaplikasian dan penerapan ke dalam tatabahasa arab tradisional berdasarkan kaedah-kaedah analisis bahasa yang popular seperti gambar rajah pepohon (*tree diagram*). Bab pertama dalam kajian ini dilihat sebagai *feeder* atau pemangkin kepada perbahasan-perbahasan yang lebih panjang pada bab-bab yang seterusnya. Dilihat setiap pecahan tajuk mewakili judul besar pada setiap bab dan dirasakan sangat penting dalam memberi gambaran awal kepada pembaca mengenai perbahasan menyeluruh dalam kajian ini.

Bab yang kedua pula diberi judul iaitu "Perkembangan Ilmu Tatabahasa Arab" (halaman 19-44). Ia merangkumi pertumbuhan mazhab-mazhab tatabahasa arab yang dipelopori oleh ilmuan bahasa arab terkenal ketika itu. Secara asasnya Basrah telah menubuhkan aliran mazhabnya tersendiri terlebih dahulu daripada yang lain yang diberi nama madrasah basrah. Ini kerana basrah sangat terkenal sebagai pusat penyebaran dan perkembangan ilmu yang ternama dalam tamadun islam. Basrah menjadi tumpuan masyarakat islam ketika itu dari pelusuk dunia bahkan orang ^cajam juga turut bermastautin di situ kerana kemasyhurannya sebagai pusat perkembangan ilmu terkenal.

Kemudian muncul pula madrasah kufah sebagai aliran mazhab tatabahasa arab yang kedua yang dilihat cuba menyaingi dan merancakkan lagi perdebatan ilmu mengenai tatabahasa arab. Jika dilihat metodologi pemikiran kedua-dua madrasah ini nyata berbeza sama sekali kerana madrasah basrah lebih terkesan dengan menggunakan prinsip falsafah, mantiq, dan qiyas manakala madrasah kufah lebih memementingkan metodologi perbahasan ilmu menggunakan nas dan teks (halaman 23).

Kesan yang timbul daripada persaingan kedua-dua madrasah ini lebih menjurus kepada hasil yang positif kerana pada asasnya mereka berdebat kepada perkara-perkara cabang dalam ilmu tatabahasa arab tetapi sependapat dalam perkara pokok dalam tatabahasa arab. Maka ilmu tatabahasa ketika itu berkembang dengan pesat sekali hasil daripada persaingan yang wujud antara kedua-dua madrasah ini. Selepas itu muncul pula aliran mazhab yang baru iaitu madrasah Baghdad. Ia muncul kerana ramai ilmuwan yang meninggalkan persaingan antara

madrasah basrah dan kufah selain kemangkatan dua tokoh utama mereka iaitu al-Mubarrid dan Tha^olab (halaman 31).

Pemikiran ilmuwan dalam madrasah ini juga terbahagi kepada dua iaitu Basrah dan Kufah hasil pengaruh daripada aliran mazhab yang mereka pegang sebelum itu namun dilihat mereka tidak lagi mempunyai sikap taksab yang melampau. Madrasah Mesir dan Syam pula muncul akibat serpihan dan peninggalan daripada madrasah Baghdad yang telah mengalami era kejatuhan politik empayar ^oAbbasiyah pada akhir abad keempat hijrah (halaman 33). Manakala mazhab tatabahasa terakhir yang disebut dalam kajian ini ialah madrasah al-Andalus dan Maghribi yang secara amnya tidak banyak perbezaan dengan apa yang dibawa oleh ilmuwan daripada madrasah Mesir dan Syam yang telah membawa dan meneruskan kesinambungan ilmu daripada para ilmuwan terdahulu.

Akan tetapi terdapat beberapa usaha ataupun perubahan secara sederhana ataupun radikal oleh beberapa ilmuwan. Namun mereka dilihat gagal dalam mengubah landskap pemikiran dan percambahan ilmu tatabahasa yang lebih efektif pada masa itu (halaman 34). Kesan yang positif yang dapat kita rasai sehingga sekarang akibat daripada kelahiran pelbagai mazhab dalam ilmu tatabahasa arab adalah dengan kewujudan pelbagai jenis karya agung dan buku hasil nukilan ulama dan ilmuwan agung silam dalam bidang tatabahasa ini. Kajian ini telah memperincikan kepada 15 jenis berdasarkan kepada ciri penulisan dan tujuan utama penulisan sesuatu buku. Yang pertama ialah buku yang dikarang berdasarkan kepada mazhab kitab Sibawayh iaitu dikenali dengan nama "*al-Kitab*".

Kedua ialah buku-buku yang cuba untuk memperbaiki kelemahan yang terdapat pada buku yang pertama tadi seperti contoh "*al-Hudud*" yang dikarang oleh Al-Farra' (180 H). Ketiga ialah jenis buku yang ditulis untuk memperjelaskan setiap topik perbincangan dalam ilmu tatabahasa arab dengan penggunaan gaya bahasa yang mudah dan meninggalkan perbahasan yang berkaitan dengan falsafah dan mantiq serta contoh buku ialah "*al-Wadih*" oleh al-Zubaydiyy. Keempat ialah merujuk kepada buku yang ditulis bagi menyusun semula topik-topik tatabahasa arab agar ia lebih teratur dan tersusun berdasarkan persamaan dan perkaitan yang terdapat antaranya seperti "*al-Mufassal*" yang ditulis oleh Al-Zamakhshariyy.

Kelima ialah buku yang ditulis dalam bentuk gabungan kaedah tatabahasa arab dalam bentuk bait-bait puisi agar mudah dihafal oleh pelajar dan contoh bukunya ialah "*Alfiyah Ibn Malik*". Keenam pula ialah merujuk kepada buku yang ditulis bagi memperincikan kitab tatabahasa arab yang agung seperti contoh "*al-Usul Fi al-Nahw*" yang telah disyarah oleh Ibn Babshaz. Ketujuh ialah buku yang berbentuk syarahan ke atas matan-matan tatabahasa arab seperti contoh "*al-Jazuliyyah*" yang disyarah oleh al-Shalubin. Yang kelapan ialah "*al-Hawashiyy*" yang bermaksud nota kaki ataupun catatan tambahan terhadap teks asal. Contoh buku dalam kategori ini ialah "*Hasyiat al-Khudriyy*" yang merupakan syarahan lanjutan kepada "*Sharh Ibn ^oAqil ^oAla Alfiyah Ibn Malik*".

Kesembilan pula ialah buku yang ditulis khusus untuk membincangkan dengan lebih teliti bukti atau dalil kaedah tatabahasa arab seperti contoh "*Khazanat al-Adab*" oleh al-Baghdadiyy. Kesepuluh merujuk kepada buku yang memfokuskan kepada perbezaan pendapat antara mazhab Basrah dan Kufah seperti contoh "*al-Inshaf Fi Masa'il al-Khilaf*" karangan oleh Abu Barakat Al-Anbaryyy. Yang kesebelas melibatkan buku yang ditulis berdasarkan persoalan atau permasalahan berkaitan tatabahasa arab dan penyelesaiannya seperti "*Al-Safariyah Fi Al-Nahw*" oleh Ibn Hisham al-Ansariyy. Kedua belas pula buku yang khusus membicarakan tentang makna huruf-huruf dalam tatabahasa arab seperti "*Kitab Huruf al-Ma^oaniyy*" oleh al-Zajjajyy. Ketiga belas ialah buku yang membincangkan permasalahan tatabahasa arab yang rumit dan bait syair yang sering menimbulkan persoalan dalam pelbagai bab tatabahasa arab. Contoh buku dalam kategori ini ialah "*Alghaz Nahwiyyah*" oleh Ibn Hisham dan al-Haririyy.

Keempat belas pula ialah buku yang ditulis khusus untuk membincangkan tentang asas-asas tatabahasa arab dan ilmunya seperti contoh "*Luma^o al-Adillah*" oleh al-Anbaryyy. Dan yang terakhirnya ialah buku-buku yang ditulis khusus berkaitan sejarah tatabahasa arab dan para

ilmuannya. Antara contoh buku tersebut ialah “*Akhbar al-Nahwiiyin al-Basriyyin*” oleh al-Sayrafiyy. Kajian yang menyentuh mengenai penghasilan karya oleh para ilmuan silam ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa kaedah penyusunan disiplin ilmu tatabahasa arab ini adalah pada tahap yang terbaik pada zaman keemasan ketika kegemilangan tamadun islam yang lampau.

Bab ketiga diberi judul “Tatabahasa Arab Selepas Zaman Keemasannya” (halaman 45-73). Kajian ini boleh dibahagikan kepada dua pecahan tajuk yang besar iaitu pemerksaan tatabahasa arab dan pemerksaan tatabahasa arab pada zaman moden. Pada peringkat awal sebelum moden telah dibincangkan bagaimana pemerksaan dan pemulihan dilakukan untuk menyediakan satu kurikulum yang berkesan kepada para pelajar bagaimana untuk mempelajari tatabahasa arab dengan mudah. Perbahasan ini telah dihuraikan panjang lebar dalam kajian ini yang mana terdapat beberapa pemansuhan yang dilakukan seperti permasalahan khilaf antara ulama basrah dan kufah yang sememangnya tidak membantu para pelajar di peringkat awal dalam memahami ilmu ini.

Selain itu juga, beberapa komponen turut dimansuhkan seperti hukum qiyas dalam masalah nahu, tafsiran, hipotesis mahupun takrifan yang merumitkan sekaligus tidak menyumbang ke arah kefahaman pelajar dalam memahami tatabahasa arab ini (halaman 51). Pengenalan kepada buku-buku seperti “*al-Jumal Fi al-Nahw*” dan “*Matan al-Ajrumiyyah*” dilihat sebagai batu asas yang paling kukuh dalam memperkenalkan ilmu tatabahasa arab yang berkesan kepada para pelajar. Selain itu, kajian ini ada menyebut mengenai gerakan reformasi pada zaman silam yang dipimpin oleh Ibn Madha’ al-Qurtubiyy. Ilmuan silam ini bermazhab al-Dhahiriyy di mana beliau telah membebaskan fahaman dalam ilmu tatabahasa arab yang berlandaskan falsafah dan mantiq.

Langkah ini dilihat sangat positif dari satu aspek ke arah pemurnian ilmu tatabahasa daripada sebarang unsur logikal dan berteraskan akal semata-mata. Namun Ibn Madha’ juga berpegang kuat dengan teks al-Quran dan al-Sunnah secara harfiah tanpa tafsiran dan menolak takwil dan cuba mengaplikasikan fahaman itu dalam tatabahasa arab. Kajian ini juga memperincikan pemulihan dan pemerksaan tatabahasa arab pada zaman moden. Zaman ini dianggap penting kerana sejajar dengan pembaharuan dan permodenan yang dialami oleh dunia. Kajian ini memperihalkan mengenai usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan Mesir ketika itu yang mahu memulihkan dan memperkasakan lagi perkembangan ilmu tatabahasa arab dengan menghantar rakyatnya ke luar negara untuk mendalami ilmu pengetahuan moden dan lain-lain.

Sebagai contoh Rifa’ah al-Tahtawiyy yang merupakan ketua kepada gerakan pemulihan dan pemerksaan ini adalah hasil yang terbaik yang dikeluarkan dari universiti di barat. Juga dinyatakan dalam kajian ini mengenai usaha-usaha ilmuan moden seperti Shawqiyy Dayf dan rakan-rakan yang lain seperti Abduh Rajihiyy, °Abbas Hassan, Tammam Hassan dan lain-lain lagi dalam menyumbang idea, buah fikiran demi memperkasakan dan memudahkan pembelajaran tatabahasa arab untuk pelajar arab mahupun pelajar asing.

Bab yang keempat dan juga merupakan bab yang terakhir dalam kajian ini diberi judul “Linguistik dan Tatabahasa Arab” (halaman 75-124). Kajian dalam bab ini lebih menjurus kepada pengenalan kepada ilmu linguistik moden dan perkembangannya serta pengaplikasiannya ke dalam tatabahasa arab mengikut kaedah linguistik moden. Secara umumnya linguistik adalah ilmu yang terdiri daripada empat jenis unsur bahasa iaitu fonetik (suara), semantik (makna), sintaksis (struktur) dan morfologi (binaan perkataan). Ilmu linguistik juga boleh dianggap sebagai ilmu yang dominan dan merangkumi ruang lingkup kajiannya kepada seluruh bahasa di dunia.

Maka kita dapat lihat tatabahasa arab sebagai cabang kepada ilmu linguistik moden ini. Kajian ini juga menjelaskan mengenai bentuk-bentuk analisis bahasa yang terdapat dalam linguistik moden ini seperti *phrase structure rules* (kaedah struktur frasa ayat), *transformational rules* (kaedah transformasi) dan *morphonemic rules* (kaedah morfim). Ketiga-tiga kaedah ini

cuba untuk diterapkan dan diaplikasikan dalam tatabahasa arab sebagaimana terdapat contoh dalam kajian ini. Namun jika dilihat dengan lebih jauh dan memandangkan suasana pembelajaran bahasa arab di mana-mana negara, jarang digunakan bahkan mungkin tidak ada guru yang mengaplikasikan teori linguistik moden ke dalam tatabahasa arab khususnya di kalangan pelajar mereka. Para guru lebih cenderung menggunakan metod atau cara pengajaran tatabahasa mengikut aturan yang terdapat dalam tatabahasa tradisional yang dilihat lebih mudah dan senang untuk dikuasai. Atas sebab ini, ilmu linguistik moden ini hanya berlegar-legar di kalangan para ilmuwan dan cerdik pandai dalam bidang ini sahaja kerana terdapat beberapa kaedah yang sukar untuk diaplikasikan dalam pengajaran.

Bahagian yang terakhir dalam kajian ini ialah penutup, dan bahagian ini lebih kepada kesimpulan ataupun rumusan yang dibuat oleh penulis pada setiap bab bagi merencanakan pemikiran pembaca agar dapat memahami isi kandungan kajian ini dengan lebih cepat dan pantas.

PENUTUP

Secara umumnya buku ini amat sesuai bagi golongan pelajar universiti terutamanya yang menuntut dalam bidang pengajian bahasa arab untuk mengetahui sejarah dan perkembangan ilmu tatabahasa arab dengan lebih terperinci. Susunan pecahan tajuk dalam setiap bab juga dilihat memuaskan dan ada unsur perkaitan antara satu sama yang lain. Laras bahasa yang digunakan agak mudah dan senang di fahami tetapi kadang-kadang wujud kekeliruan disebabkan kemungkinan fakta yang ada dalam kajian ini bersifat *outstanding*. Ada terdapat juga beberapa kesalahan ejaan perkataan yang seharusnya tidak patut berlaku dan perlu di ambil perhatian serius oleh penulis memandangkan kajian ini bersifat ilmiah dan untuk pembacaan segenap lapisan masyarakat.

Hal ini perlu diambil perhatian memandangkan pembaca sasaran adalah terdiri daripada pelajar universiti dan ahli akademik yang berkhidmat di universiti turut sama menjadikan buku ini sebagai sumber rujukan dalam pengajaran dan penyelidikan mereka. Kajian ini juga sarat dengan fakta-fakta yang bernas tetapi memerlukan pemahaman yang jitu daripada pembaca terlebih dahulu sekiranya ingin memahami dengan jelas maksud yang ingin disampaikan oleh penulis.

Secara ringkas, kajian ini merupakan percubaan kajian yang baik dan perlu diteruskan oleh penulis dalam usaha memartabatkan minat pelajar dalam bidang tatabahasa arab dan ilmu linguistik. Sumber-sumber rujukan yang dilampirkan oleh penulis jelas menunjukkan bahawa kajian ini mengambil masa yang panjang dan hasilnya kajian ini mampu memberikan gambaran yang baik kepada pembaca dan menepati piawai atau standard kepakaran penulis sebagai ahli akademik yang profesional.